




GARIS PANDUAN

PERATURAN PENTERNAKAN

AYAM KAMPUNG



ISI KANDUNGAN

PENDAHULUAN

6-7

ASAS PERTIMBANGAN

8

SINGKATAN

9

TUJUAN

10

ENAKMEN PENTERNAKAN UNGGAS (EPU)

10-11

1. BAHAGIAN A

1.1 PENDAFTARAN

- 1.1.1 Kewajipan
- 1.1.2 Tempoh sah laku
- 1.1.3. Verifikasi
- 1.1.4. Kelulusan
- 1.1.5. Kod ID penternak
- 1.1.6. Pembatalan pendaftaran

13 - 14

1.2 PENGKELASAN AYAM KAMPUNG

- 1.2.1. Ayam Kampung Asli (AKA)
- 1.2.2. Ayam Kampung Malaysia (AKM)
- 1.2.3. Ayam Kampung Pedaging @ Fidlot (AKF)
- 1.2.4. Ayam Kampung Kacukan (AKK)
- 1.2.5. Ayam Pedaging Kampung (APK)
- 1.2.6. Ayam Penelur Kampung (APT)
- 1.2.7. Ayam Kampung Hiasan (AKH)

15 - 16

1.3 LOGO PENGKELASAN

17 - 18

1.4 KATEGORI TERNAKAN

18

1.5 PREMIS TERNAKAN

18

1.6 BILANGAN TERNAKAN

18

1.7 SISTEM PENTERNAKAN

- 1.7.1. Sistem Intensif atau Berkurung Sepenuhnya
- 1.7.2. Sistem Separa Intensif / Lepas Bebas

19-20

1.9	LOKASI	20
1.10	JARAK	20
1.11	PENAMBAHBAIKAN GENETIK	20-21

2. **BAHAGIAN 2**

2.1	PENGURUSAN LADANG YANG STANDARD	
2.1.1.	Air Minuman dan Makanan	
2.1.2.	Rekod Ladang	23
2.2	KAWALAN PENYAKIT	24
2.2.1.	Vaksin dan Program Pemvaksinan	
2.2.2.	Biosekuriti	
2.2.3.	Penggunaan Ubat, Racun dan Bahan Kimia	
2.2.4.	Suci Hama Reban dan Peralatan	
2.2.5.	Kebersihan Ladang	
2.2.6.	Pelupusan Sisa Ladang	
2.2.7.	Kawalan Makhluk Perosak	
2.2.8.	Kawalan Lalat	
2.2.9.	Kawalan Bau	
2.2.10	Kawalan Debu	

3.	PENGUATKUASAAN	28
----	-----------------------	----

4.	KUARANTIN	28
----	------------------	----

5.	KAWALAN PENYEMBELIHAN	29
----	------------------------------	----

6.	PEMINDAHAN TERNAKAN	29
----	----------------------------	----

7.	KESIMPULAN	30
----	-------------------	----

	LAMPIRAN 1:	31
--	--------------------	----

**JAWATANKUASA PENYEDIAAN
GARIS PANDUAN PERATURAN PENTERNAKAN AYAM KAMPUNG**

PENAUNG

Dato' Dr. Norlizan Bin Mohd Noor
Ketua Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia

PENASIHAT

Dr. Mohd Termizi bin Ghazali
Pengarah Kanan Bahagian
Bahagian Pembangunan Industri Ternakan

DISEDIAKAN OLEH

Dr. Mohd Hishammfariz Bin Mohd Amin
Dr. Shamizah Bt Omar Hisham
Pn. Norsyamimi Binti Mohamad Sanusi
Pn. Elva Susanti Bt Mohamad
Pn. Noorazwani Bt Mohamed
Pn. Nurizan Binti Yahya
En. Abdul Muis Bin Mat Piah
Pn. Basirah Binti Mohamed Asmayatim
En. Arifrizwan Bin Mokhtar

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pegawai penyelaras unggas negeri iaitu Puan Hazulia (Perlis), Puan Shamsiza (Kedah), Puan Ruzima (Pulau Pinang), YM Tengku Khairol (Perak), En Azahari (Selangor), Puan Fariza (Negeri Sembilan), Puan Rubiah (Melaka), En Fadli (Johor), En Norman dan En Rahman (Pahang), Puan Rohaidah (Terengganu), En Azmi (Kelantan), Dr Robert Paulis (Sabah), Puan Norizawati (Sarawak) dan En Ahmad Mubahid (WP Labuan) yang banyak membantu menyiapkan garis panduan ini.

Juga ucapan terima kasih kepada pegawai-pegawai Bahagian Regulatori DVS Negeri yang banyak membantu meneliti peraturan dan perbandingan dengan enakmen perladangan unggas negeri.

Tidak dilupakan juga kepada pegawai-pegawai dari Bahagian-bahagian dan unit-unit, individu-individu serta para penternak ayam kampung di atas segala kerjasama secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penyediaan dan penerbitan buku **Garis Panduan Peraturan Penternakan Ayam Kampung**.

PENDAHULUAN

Penternakan ayam kampung telah mula berkembang di negara ini dan rantaian dalam industri ini juga telah hampir lengkap seperti industri ternakan ayam pedaging.

Pada tahun 2010, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) telah menerbitkan **Buletin Penternakan Ayam Kampung** yang menggariskan 3 jenis ayam kampung iaitu Ayam Kampung Asli (AKA), Ayam Kampung Kacukan (AKK) dan Ayam pedaging warna (CB). Buletin ini telah membawa kepada perbezaan pendapat di kalangan penternak yang mendakwa ternakan ayam mereka berada dalam kelas AKA dan sebagainya.

Di sebalik perbezaan tersebut, isu utama di dalam industri ayam kampung ini telah juga berlaku kerana adanya pengubahsuaian genetik (*adulteration*) yang melibatkan aktiviti kacukbiak yang tidak tersusun, penggunaan jenama ayam kampung pada produk-produk yang bukan dalam kelas ayam kampung dan pengkelasan ayam kampung melibatkan ayam pedaging warna.

Namun begitu, peranan DVS lebih terarah kepada pembangunan industri ayam kampung itu sendiri bagi memenuhi keperluan dan bekalan ayam kampung kepada pasaran dalam negara. Di samping itu juga, pembangunan genetik ayam kampung juga turut diberi perhatian dengan harapan negara ini mempunyai baka ayam kampung yang berdaftar.

Di negara ini terdapat 163 orang penternak yang menternak ayam kampung dengan kapasiti 34,787 ekor dan 494 orang yang menternak ayam pedaging warna dengan kapasiti 12,429,791 ekor. Data ini kelihatan agak rendah kerana proses pendaftaran tidak dibuat dengan menyeluruh. Ini kerana kebanyakan negeri tidak menguatkuasakan peraturan berdasarkan EPU ke atas ladang yang mempunyai bilangan ayam kurang dari 500 ekor.

Jadual 1: Bilangan Penternak Ayam Kampung dan Ayam Pedaging Warna Mengikut Negeri.

NEGERI	AYAM KAMPUNG	AYAM PEDAGING BERWARNA
Perlis	0	13
Kedah	0	26
Pulau Pinang	0	96
Perak	0	28
Selangor	61	32
Negeri Sembilan	1	5
Melaka	6	15
Johor	0	14
Pahang	2	130
Terengganu	91	74
Kelantan	2	46
Sabah	Tiada data	Tiada data
Sarawak	0	8
W.P. Labuan	0	7
JUMLAH	163	494

Sumber: Data bancian DVS Tahun 2020

Dengan perkembangan ini, sudah pasti ianya memerlukan satu panduan bagi menguruskan industri ayam kampung agar ianya dapat terus berkembang dengan sebaiknya dan lebih tersusun tanpa memberi kesan negatif seperti pencemaran kepada persekitaran.

Di setiap negeri, terdapat Enakmen Perladangan Unggas (EPU) yang bertujuan untuk mengawalselia industri ternakan unggas keseluruhannya. Namun begitu, industri ayam kampung ini masih memerlukan satu tempoh penyesuaian agar semua pemain industri ini mudah memahami dan mengadaptasi corak penternakan mereka kepada pematuhan EPU sepenuhnya nanti.

Garis panduan ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Dasar Jabatan (JPDJ) bil 2 tahun 2021 pada **8hb Jun 2021**.

ASAS PERTIMBANGAN

1. EPU tidak dikuatkuasa kepada penternak ayam kampung kerana jumlah ternakan kurang dari 500 ekor. Majoriti penternak ayam kampung mempunyai bilangan yg kecil.
2. Sistem reban masih lagi terbuka dan lepas bebas.
3. Masih belum ramai penternak yang mempunyai lesen. Lesen penting dalam kawalan ke atas penternakan yang dijalankan. Namun begitu, keperluan mendapatkan lesen terikat dengan peraturan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ini lebih menyulitkan penternak ayam kampung bagi mendapatkan lesen.
4. Bagi menyusun pembangunan industri ayam kampung, perlu ada peraturan khusus bagi menyokong pengkelasan dan pemasaran.
5. Pendaftaran penternak juga masih belum meluas. Penyusunan kategori penternak akan mudah dilaksanakan seperti kategori 'breeder' dan 'pedaging'serta 'penelur'.
6. Masih ada ruang pengecualian dalam EPU terutama Bahagian 6.
7. Satu tempoh penyesuaian diperlukan penternak ke arah pematuhan kepada EPU sepenuhnya. Menggalakkan penternak mendaftar dan memohon lesen menternak setelah bilangan melebihi 500 ekor.
8. Kawalan ke atas pencemaran bau dan lalat dapat diberi perhatian.
9. Sokongan kepada perancangan "*compartmentalization*".

SINGKATAN

EPU : Enakmen Penternakan / Perladangan Unggas

DVS : Jabatan Perkhidmatan Veterinar

AKA : Ayam Kampung Asli

AKM : Ayam Kampung Malaysia

AKF : Ayam Kampung Pedaging @ Fidlol

AKK : Ayam Kampung Kacukan

APK : Ayam Pedaging Kampung

APT : Ayam Penelur Kampung

AKH : Ayam Kampung Hiasan

AKO : Ayam Kampung Organik



TUJUAN

1. Sebagai panduan untuk menguruskan industri ayam kampung supaya ianya tersusun.
2. Bagi memastikan semua penternak mematuhi peraturan yang ditetapkan.
3. Mengelakkan berlakunya pencemaran kepada persekitaran.
4. Sebagai persediaan untuk mencapai pematuhan kepada EPU sepenuhnya.

ENAKMEN PENTERNAKAN UNGGAS (EPU)

Di semua negeri telah mempunyai EPU yang digazetkan dan dikuatkuasakan sepenuhnya. EPU ini bertujuan sebagai satu peruntukan undang-undang bagi mengawalselia aktiviti-aktiviti penternakan unggas di sesebuah negeri. Jadual EPU Negeri dan Tahun Kuatkuasa ada di lampiran 1.

Di dalam EPU ini terdapat 2 bahagian iaitu Bahagian Utama dan Peraturan. Terdapat 6 bahagian di dalam Bahagian Utama dan 3 bahagian di dalam Peraturan.

BAHAGIAN UTAMA merangkumi;

BAHAGIAN 1 - Tafsiran

BAHAGIAN 2 – Pentadbiran – kuasa-kuasa / diberi kuasa

BAHAGIAN 3 – Perlesenan

BAHAGIAN 4 – Kesalahan-kesalahan

BAHAGIAN 5 – Penguatkuasaan dan Pendakwaan

PERATURAN pula mengandungi;

BAHAGIAN 1 - Tafsiran

BAHAGIAN 2 – Standard amalan perladangan

BAHAGIAN 3 – Pelbagai : Kompaun

GARIS PANDUAN PERATURAN PENTERNAKAN AYAM KAMPUNG ini pula merangkumi 2 bahagian iaitu;

BAHAGIAN 1 - Pendaftaran dan pengkelasan

BAHAGIAN 2 – Standard amalan penternakan

Peraturan ini tidak bercanggah dengan apa yang terkandung di dalam EPU bahkan garis panduan ini bertindak sebagai pelengkap kepada peraturan di dalam EPU.



1. BAHAGIAN 1

1.1 PENDAFTARAN

1.1.1 Kewajipan

1. Semua penternak yang menternak ayam kampung, pengusaha pusat penetasan dan pusat penyembelihan diwajibkan untuk membuat pendaftaran dengan DVS yang terdekat.
2. Penternak perlu mengisi borang permohonan pendaftaran dan menghantarnya ke pejabat DVS yang terdekat.
3. Borang permohonan perlu disertakan dengan dokumen sokongan iaitu:
 - a. Pelan susun atur ladang ayam kampung;
 - b. Salinan yang diperakui sah hakmilik tanah di mana ladang terletak atau akan dibina;
 - c. Sekiranya tanah bukan milik pemohon, satu surat persetujuan bertulis daripada tuan tanah yang berdaftar hendaklah diperolehi;
 - d. Salinan yang diperakui sah kad pengenalan pemohon;
 - e. Satu keping gambar pemohon berukuran pasport.

1.1.2 Tempoh sah laku

Tempoh sah laku pendaftaran adalah selama 2 tahun. Pendaftaran baru perlu dibuat sekiranya tamat tempoh sah laku daftar.

1.1.3 Verifikasi

Pegawai verifikasi ladang akan menjalankan verifikasi bagi menentukan pengkelasan penternakan ayam kampung.

1.1.4 Kelulusan

1. Kelulusan pendaftaran akan dibuat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kelulusan di peringkat DVS Negeri atau Ibupejabat Putrajaya.
2. Penternak akan diberi surat kelulusan pendaftaran oleh Jawatankuasa Kelulusan DVS Putrajaya.
3. Rayuan boleh dikemukakan kepada Jawatankuasa Kelulusan DVS Putrajaya melalui DVS negeri sekiranya permohonan gagal.

1.1.5 Kod ID penternak

Penternak ayam, pengusaha tempat penetasan dan pusat penyembelihan yang diluluskan pendaftaran akan diberi kod ladang / ID premis.

1.1.6 Pembatalan pendaftaran

1. Penternak yang telah diluluskan pendaftaran tetapi telah melanggar peraturan-peraturan penternakan ayam kampung boleh dibatalkan pendaftarannya.
2. Penternak yang dibatalkan pendaftaran akan dimaklumkan melalui surat rasmi dari DVS.
3. Penarikan pembatalan boleh dibuat oleh DVS sekiranya penternak telah memperbaiki semua kesalahan dan kelemahan yang telah dilakukan.

1.2 PENGKELASAN AYAM KAMPUNG

Terdapat 8 pengkelasan ayam kampung yang telah diluluskan oleh DVS. Pengkelasan ini akan digunakan sepenuhnya bagi tujuan panduan kepada industri ternakan ayam kampung.



1.2.1 Ayam Kampung Asli (AKA)

Sebarang jenis baka ayam kampung yang telah disahkan baka atau telah berdaftar dengan badan daftar baka. Mempunyai % ketulenan melebihi 82.5%. Dipelihara secara lepas bebas dan hidup seperti tabiat semulajadi.



1.2.2 Ayam Kampung Malaysia (AKM)

Sebarang jenis ayam kampung yang sedang dalam program kacukbiak yang tersusun dan mempunyai ketulenan melebihi 82.5%. Belum berdaftar dengan badan daftar baka. Dipelihara secara lepas bebas dan hidup seperti tabiat semulajadi.



1.2.3 Ayam Kampung Pedaging @ Fidlot (AKF)

Sebarang jenis ayam kampung atau asal ayam kampung dari negara lain yang telah disahkan dan telah dikacukbiak dengan tersusun. Belum daftar dengan badan daftar baka. Mempunyai % ketulenan melebihi 82.5%. Diternak secara intensif dalam tempoh tertentu dan diberi makanan komersil.



1.2.4 Ayam Kampung Kacukan (AKK)

Sebarang jenis ayam kampung yang dikacukkan dengan mana-mana baka yang telah disahkan dan berdaftar dengan badan daftar baka. Mempunyai % ketulenan kurang dari 82.5%. Diberi makanan komersil atau campuran. Diternak secara intensif atau lepas bebas.




1.2.5 Ayam Pedaging Kampung (APK)

Ayam pedaging dari mana-mana baka yang telah disahkan atau telah berdaftar dengan mana-mana badan daftar baka yang diiktiraf oleh DVS dan dipelihara secara lepas bebas. Diberi makanan secara semulajadi atau makanan komersil. Hidup seperti tabiat semulajadi ayam kampung.



1.2.6 Ayam Penelur Kampung (APT)

Ayam penelur dari mana-mana baka yang telah disahkan atau telah berdaftar dengan badan daftar baka yang diiktiraf oleh DVS. Dipelihara secara lepas bebas dan diberi makanan secara semulajadi atau makanan komersil. Hidup seperti tabiat semulajadi ayam kampung.



1.2.7 Ayam Kampung Hiasan (AKH)

Sebarang baka ayam kampung yang dipelihara secara intensif. Bilangan kurang dari 50 ekor (induk). Dijual sebagai ayam hiasan atau haiwan kesayangan sahaja.



1.2.8 Ayam Kampung Organik (AKO)

Ayam kampung atau kacukan kampung yang dipelihara secara lepas bebas atau intensif. Diberi makanan yang disahkan organik sepenuhnya. Mendapat pensijilan MyOrganik dari DVS.

1.3 LOGO PENGKELASAN

1. Penternak boleh menggunakan logo pengkelasan ayam kampung setelah mendapat kelulusan pendaftaran penternak dari DVS.
2. Penternak yang menggunakan logo pengkelasan tanpa kebenaran dari DVS merupakan satu kesalahan dan boleh diambil tindakan undang-undang.
3. Logo-logo pengkelasan seperti berikut;

Ayam Kampung Asli



Ayam Pedaging Kampung



Ayam Kampung Malaysia



Ayam Penelur Kampung



Ayam Kampung
Pedaging @ Fidlot



Ayam Kampung Hiasan



Ayam Kampung Kacukan



Ayam Kampung Organik



1.4 KATEGORI TERNAKAN

Jenis ayam yang termaktub dalam garis panduan ini ialah ayam kampung yang termasuk di dalam pengkelasan ayam kampung.

1.5 PREMIS TERNAKAN

Peraturan ini terpakai bagi semua aktiviti pemeliharaan sama ada di ladang yang berpagar atau premis yang menggunakan sistem reban, pusat penetasan ayam dan juga pusat penyembelihan ayam kampung.

1.6 BILANGAN TERNAKAN

Ladang atau premis ternakan yang berkapasiti **100 ekor dan ke atas** (termasuk induk dan anak ayam). Namun begitu, bagi penternak yang berada di dalam kategori Ayam Kampung Hiasan, ianya masih tertakluk kepada garis panduan ini.

1.7 SISTEM PENTERNAKAN

1.7.1 Sistem intensif atau berkurung sepenuhnya

- a. Pemeliharaan secara sistem reban atau kurungan sepanjang masa sama ada berlantai tinggi atau di atas tanah atau di alas dengan sarap tebal / pasir.
- b. Sistem ini merangkumi sama ada sistem reban tertutup atau terbuka.
- c. Keperluan ruang bagi reban terbuka ialah ≥ 1 kaki persegi / seekor manakala ≥ 0.8 kaki persegi / seekor untuk reban tertutup.

1.7.2 Sistem separa intensif / lepas bebas

- a. Pemeliharaan secara berkurung pada satu masa seperti waktu malam dan dibiarkan lepas bebas keluar dari reban pada satu masa yang lain seperti di siang hari.
- b. Keperluan ruang bagi kawasan lepas bebas pula ialah ≥ 5 kaki persegi / seekor. Kawasan ini perlulah berpagar.

1.8 KEMUDAHAN ASAS

1. Perumahan yang asas adalah satu bentuk sistem reban yang berdingding dan beratap sama ada secara terbuka atau tertutup.
2. Pagar perimeter hendaklah dibina di keseluruhan ladang.
3. Pagar yang memisahkan kawasan pengeluaran dan kawasan bukan pengeluaran.
4. Pagar dibina dari jenis *chain link*, *cyclone*, papan, jaring (*netting*), zink dan sebagainya.
5. Pagar yang dibina kukuh dan tidak mudah dimasuki oleh haiwan dari luar.

6. 6.Pagar perlu diselenggarakan dengan baik.
7. Bekas minuman dan makanan disediakan secukupnya.
8. Tempat bertenggek untuk ternakan tidur disediakan secukupnya di dalam reban ataupun di dalam kawasan ladang.
9. Di dalam kawasan pemeliharaan perlu disediakan kawasan berpasir atau tanah berdebu untuk dijadikan tempat ternakan mandi (*dust bathing*).

1.9 KEMUDAHAN ASAS

1. Lokasi penternakan mestilah berada di dalam zon pertanian atau penternakan yang sesuai.
2. Lokasi penternakan tidak termasuk dalam kawasan struktur perancangan pembangunan daerah atau berhampiran dengan kawasan yang berkemungkinan tinggi akan dibangunkan untuk kepentingan awam.


1.10 JARAK

Sekurang-kurangnya 100 meter dari kawasan penempatan awam dan pengairan awam. Namun begitu, jika penggunaan bahan basmi bau dan alat digunakan sepenuhnya dengan kerap, jarak sehingga 50 meter boleh dipertimbangkan.

1.11 PENAMBAHBAIKAN GENETIK

1. Semua ladang ayam kampung yang terlibat dalam program pembangunan baka baharu hendaklah membuat pengujian DNA bagi tujuan pengesahan ketulinan baka sebelum pendaftaran baka dibuat.
2. Pendaftaran baka boleh dibuat dengan DVS.

3. Penternak dilarang sama sekali menggunakan baka ayam yang diimport secara tidak sah dalam aktiviti pembiakan dalam ladang.





2. BAHAGIAN 2

2.1 PENGURUSAN LADANG YANG STANDARD

2.1.1 Air Minuman dan Makanan

1. Penternak hendaklah menggunakan air dari sumber yang bersih atau air yang telah dirawat terlebih dahulu.
2. Penternak hendaklah memastikan pemberian makanan adalah mencukupi dan mengandungi nutrien yang optimum untuk keperluan pembesaran ayam dan pengeluaran telur.
3. Kandungan makanan hendaklah bebas daripada *Antimicrobial Growth Promoter* (AGP) yang dilarang mengikut senarai yang dinyatakan di dalam peruntukan Akta Makanan Haiwan 2009.

2.1.2 Rekod Ladang

1. Penternak hendaklah menyediakan rekod ladang yang lengkap yang mengandungi maklumat berikut:
 - a. Sumber anak unggas;
 - b. Sumber makanan;
 - c. Kematian atau singkiran;
 - d. Pemberian ubat atau vaksin;
 - e. Maklumat pekerja;
 - f. Data pengeluaran ladang.
2. Rekod ladang hendaklah diselenggara dengan baik dan kemaskini dari semasa ke semasa.

2.2 KAWALAN PENYAKIT

1. Penternak hendaklah sentiasa memantau status penyakit di ladang dan menyimpan rekod pemantauan penyakit yang lengkap dan kemaskini.
2. Sekiranya berlaku wabak atau terdapat serangan penyakit di ladang, penternak hendaklah dengan serta-merta melaporkan kepada Pegawai Veterinar dari DVS yang terdekat dan mengambil langkah-langkah pencegahan dan kawalan.

2.2.1 Vaksin dan Program Pemvaksinan

1. Penternak lesen hendaklah melaksanakan program pemvaksinan bagi penyakit-penyakit tertentu berdasarkan keperluan semasa.
2. Vaksin yang sesuai dan diluluskan oleh DVS sahaja boleh digunakan di ladang.
3. Apa-apa bahan vaksin hendaklah disimpan, dikendalikan dan digunakan mengikut prosedur yang ditentukan oleh pengeluaranya.

2.2.2 Biosekuriti

1. Seluruh kawasan sempadan ladang hendaklah dipagar dengan pagar yang sesuai dan diselenggara dengan baik;
2. Mewujudkan sistem kawalan keselamatan di pintu masuk ladang; dan
3. Menyediakan kemudahan suci hama di pintu ladang seperti pencelup atau penyembur tayar kenderaan dan pencelup kaki.

2.2.3 Penggunaan Ubat, Racun Dan Bahan Kimia

1. Penternak hendaklah mengendalikan dan menyimpan ubat, racun dan bahan kimia mengikut prosedur yang ditetapkan oleh pengeluarannya;
2. Menyimpan apa-apa ubat pada kuantiti yang mengikut keperluan sebenar bagi apa-apa kegunaan dalam sesuatu tempoh masa sebelum tarikh luputnya;
3. Menggunakan ubat, racun dan bahan kimia daripada jenis yang diluluskan oleh DVS;
4. Melupuskan apa-apa buangan ubat, racun dan bahan kimia mengikut peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya; dan
5. Memastikan ayam dan karkas ayam yang dihasilkan tidak mengandungi residu ubatan melebihi tahap yang dibenarkan mengikut peruntukan Akta Makanan 1983 [Akta 281].
6. Tidak boleh menyimpan atau menggunakan ubat-ubatan yang terlarang.
7. Bagi maksud Peraturan ini, kaedah bagi mengambil sampel untuk analisis kimia adalah seperti ditentukan oleh Pengarah.

2.2.4 Suci Hama Reban dan Peralatan

Penternak hendaklah memastikan reban dan peralatan dibersihkan dan disuci hama selepas setiap pusingan pengeluaran dan dibiarkan kosong untuk tempoh sekurang-kurangnya 14 hari sebelum kumpulan ayam baru dibawa masuk ke dalam ladang.



2.2.5 Kebersihan Ladang

1. Penternak perlu menjaga kebersihan persekitaran dan premis ladang;
2. Penternak perlu memastikan rumput dan tumbuhan dalam kawasan ladang tidak terlalu panjang; dan
3. Penternak perlu memastikan sistem saliran reban dan ladang diselenggara dengan baik.

2.2.6 Pelupusan Sisa Ladang

1. Penternak perlu melupuskan dengan segera ayam yang mati dan sampah sarap di dalam ladang;
2. Penternak perlu mengendalikan karkas ayam yang mati dengan cara yang betul bagi mengelak kemungkinan menjadi punca merebaknya penyakit; dan
3. Penternak perlu memastikan cara pelupusan karkas, sampah-sarap dan sisa ladang melalui proses rawatan sisa yang sesuai tanpa dilepaskan terus ke perairan daratan yang boleh menyebabkan pencemaran persekitaran atau mengganggu kesejahteraan awam (mengikut spesifikasi jabatan atau agensi-agensi berkaitan).



2.2.7 Kawalan Makhluk Perosak

Penternak hendaklah mengadakan prosedur kawalan makhluk perosak yang berkesan.



2.2.8 Kawalan Lalat

1. Penternak perlu mengambil langkah-langkah supaya tahap infestasi lalat di ladang berada pada paras minimum;
2. Penternak perlu memastikan apa-apa najis ayam sentiasa berada dalam keadaan kering bagi memastikan tiada larva di mana-mana kawasan ladang.

2.2.9 Kawalan Bau

1. Penternak hendaklah menggunakan *effective microbes* (EM) atau apa-apa bentuk kawalan bau yang sesuai dan berkesan;
2. Penternak perlu memastikan tahap gas ammonia (NH_3) dalam reban hendaklah di bawah aras 20 bahagian persejuta (ppm); dan
3. Penternak perlu memastikan tahap gas hydrogen sulfide (H_2S) dalam reban hendaklah di bawah aras 5 bahagian persejuta (ppm).

Bagi maksud Peraturan ini, prosedur bagi mengambil sampel untuk analisa kimia sepertimana yang ditentukan oleh DVS.

2.2.10 Kawalan Debu

Penternak hendaklah memastikan debu dari ladang tidak mencemari kawasan sekitar ladang dan mengganggu kesejahteraan awam.

3. PENGUATKUASAAN

1. Pegawai DVS boleh memasuki ladang dan menjalankan siasatan sepertimana bidangkuasa yang terdapat di dalam Enakmen Perlindungan Unggas seperti mengambil sampel, ubat atau gambar yang difikirkan perlu, memeriksa buku rekod dan dokumen dan membuat salinannya dan merekod maklumat mana-mana penyiasatan dan pemeriksaan bagi membuktikan satu kesalahan telah dilakukan.
2. Pegawai DVS juga boleh memasuki mana-mana premis yang terdapat di dalam ladang ayam dengan atau tanpa kebenaran tuan punya.

4. KUARANTIN

1. Kaedah kuarantin dan kawalan penyakit hendaklah mengikut prosedur operasi standard yang ditetapkan oleh DVS atau merujuk kepada undang-undang berkaitan.



5. KAWALAN PENYEMBELIHAN

1. Lokasi tempat penyembelihan hendaklah sekurang-kurangnya 100 meter dari kawasan penempatan awam dan pengairan awam.
2. Penternak perlu memastikan kawasan penyembelihan dan kawasan penternakan berada di dalam kawasan yang berasingan.
3. Penternak juga perlu mendaftarkan premis penyembelihan merujuk kepada tatacara pendaftaran seperti pendaftaran penternak / ladang.
4. Pengusaha tempat sembelihan atau penternak bertanggungjawab untuk memastikan kaedah pelupusan sisa penyembelihan dan sampah-sarap dibuat dengan cara yang betul dan melalui proses rawatan sisa yang bersesuaian.
5. Pegawai DVS boleh melakukan pemeriksaan ke atas aktiviti sembelihan pada bila-bila masa.
6. Sekiranya pengusaha atau penternak yang mempunyai premis penyembelihan atau loji hendaklah mematuhi keperluan kebajikan haiwan dan perundangan yang berkaitan.

6. PEMINDAHAN TERNAKAN

1. Penternak hendaklah melakukan pemindahan mengikut syarat-syarat pemindahan yang telah ditetapkan oleh DVS.
2. Ladang yang disahkan positif kepada sebarang penyakit tidak dibenarkan untuk sebarang pemindahan sehingga mendapat kebenaran dari DVS.

7. KESIMPULAN

Peranan DVS dalam memajukan industri secara keseluruhan perlu sokongan peraturan yang rapi. Juga turut sama membawa industri ayam kampung ke arah lebih tersusun



LAMPIRAN 1

SENARAI ENAKMEN BERKAITAN UNGGAS NEGERI-NEGERI

NEGERI	TAHUN KUATKUASA
Enakmen Kawalan dan Perlesenan Unggas Negeri Sembilan	1996
Enakmen Kawalan dan Perlesenan Ladang Unggas Negeri Johor	1997
Enakmen Perladangan Unggas Kedah Darulaman	2005
Enakmen Perladangan Unggas Negeri Pahang	2005
Enakmen Perladangan Unggas Negeri Kelantan	2005
Enakmen Perladangan Unggas Negeri Perak	2005
Enakmen Perladangan Unggas Negeri Perlis	2005
Enakmen Perladangan Unggas Negeri Selangor	2007
Enakmen Perladangan Unggas Negeri Melaka	2008
Enakmen Perladangan Unggas Negeri Terengganu	2015
Enakmen Perladangan Unggas Negeri Pulau Pinang	2020

GARIS PANDUAN

PERATURAN PETERNAKAN

AYAM KAMPUNG



SEKSYEN BUKAN RUMINAN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN INDUSTRI TERNAKAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
PUTRAJAYA, MALAYSIA